

Ruj.Kami : PMS/UP/656-3 JLD.3 (27)
Tarikh : 29 Oktober 2007

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Wilayah Persekutuan Labuan

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Perikanan Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH

BIL. 7 TAHUN 2007

PROSEDUR MEMPELAWA TENDER ENAM (6) BULAN SEBELUM

TEMPOH KONTRAK TAMAT

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) melalui pemerhatian terhadap urusan kontrak Bekalan dan perkhidmatan pelbagai Jabatan Persekutuan di Sabah dan

Wilayah Persekutuan Labuan mendapati kebanyakan Jabatan tidak memantau tempoh kontrak-kontrak di bawah seliaan masing-masing sehingga menimbulkan banyak isu seperti:

- 2.1. Tempoh kontrak telah tamat dan tender belum dipelawa;
 - 2.2 Jabatan meminta pembekal sedia ada membekalkan perkhidmatan dan bekalan tanpa kelulusan pihak berkuasa melantik;
 - 2.3 Pihak Kontraktor/pembekal tidak dapat bayaran kerana tidak ada kelulusan; dan
 - 2.4 Jabatan meminta pelanjutan berulang kali mencerminkan urusan perolehan yang tidak cekap dan terurus.
3. Berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan, jabatan hendaklah mempelawa tender enam (6) bulan sebelum sesuatu kontrak tamat. PMS tidak akan teragak-agak mengesyorkan pembayaran di bawah AP 59 sekiranya bekalan perkhidmatan diteruskan selepas tamat kontrak tanpa kelulusan terlebih dahulu.
4. Sehubungan dengan ini, perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan diperkemas lagi pelaksanaan sesuatu urusan tender berpandukan peraturan-peraturan dan panduan kewangan yang ditetapkan amatlah dihargai. Rujukan kepada pekeliling dan surat pekeliling berhubung dengan pengurusan perolehan boleh dibuat melalui laman web Perbendaharaan Malaysia www.treasury.gov.my dan Perbendaharaan Malaysia Sabah www.sabah.gov.my/pmsabah/

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD. RANI BIN SAUD)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.

sk Setiausaha Persekutuan Sabah
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Setiausaha Kementerian Kewangan Negeri Sabah